

73% rakyat berpendapat cukai Vape terlalu tinggi

73% rakyat berpendapat cukai *vape* terlalu tinggi

PETALING JAYA: Sebanyak 73 peratus rakyat Malaysia berpendapat kenaikan kadar cukai eksais yang diumumkan bagi cecair *vape* iaitu RM1.20 setiap mililiter adalah terlalu tinggi, menurut tinjauan pendapat yang dijalankan Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA).

Tinjauan pendapat membabitkan 1,000 responden itu turut mendedahkan bahawa 85 peratus responden percaya kadar cukai yang tinggi ini boleh membawa kepada pertumbuhan pasaran gelap, 91 peratus responden berpendapat kerajaan harus menetapkan tahap cukai ke atas produk *vape* yang mampu menghalang pengguna daripada beralih kepada produk pasaran gelap, dan 75 peratus memohon cukai kekal rendah bagi memastikan harga yang berdaya saing.

Presiden MVIA, Rizani Zakaria berkata, hasil tinjauan ini mengukuhkan pandangan pemain industri bahawa kadar cukai untuk cecair *vape* terlalu tinggi.

Jelasnya, kerajaan perlu mengambil kira kesan negatif apabila menggubal dasar cukai kerana ia akan memberi kesan kepada industri *vape* tempatan.

“Memandangkan Kastam telah mengumumkan penangguhan dalam melaksanakan kadar eksais yang diumumkan Oktober lepas, maka keputusan daripada tinjauan pendapat ini adalah tepat pada masanya.

“Kami berharap ia memberi gambaran kepada kerajaan bahawa pendekatan yang wajar perlu diambil terutamanya berkaitan rangka kerja percukaian untuk industri dan kami menggesa kerajaan mengekalkan kadar pada 40 sen setiap mililiter,” katanya dalam kenyataan, semalam.